

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYURAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah status pelaksanaan "*National Fiberisation and Connectivity Plan*" (NFCP) terutamanya projek perintis oleh TNB di Jasin, Melaka, dan apakah langkah-langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam pelaksanaan pelan NFCP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek rintis Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (“NFCP”)) yang dijalankan di Jasin telah siap sepenuhnya pada bulan Disember 2018. Lanjutan daripada itu, pihak Kerajaan telah merangka pelan bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur seluruh negara bagi tempoh 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat purata kelajuan jalur lebar sehingga 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.
2. Berdasarkan kepada sasaran-sasaran yang telah ditetapkan, terdapat jurang yang besar perlu ditangani melalui pembangunan infrastruktur komunikasi bagi memastikan NFCP dapat dicapai.
3. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sedang giat mengadakan sesi perbincangan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Kementerian-Kementerian lain dan juga Agensi berkaitan bagi mendapatkan kerjasama dan komitmen melalui aktiviti penyelarasan bagi memastikan kelancaran pembinaan infrastruktur digital, kos pelaksanaan dapat diminimakan dan memaksimumkan liputan perkhidmatan jalur lebar secara menyeluruh.